

22/02/1998

Masalah pembangunan sumber manusia

iewed by Radzuan Ghazali

MALAYSIA sedang menuju ke ambang era perindustrian canggih dan ini tentulah memerlukan tenaga manusia yang ramai serta berkebolehan dan mahir dalam pelbagai bidang baru.

Seperti disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, peningkatan pembangunan sumber manusia penting untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi cetusan produktiviti.

Justeru, buku bertajuk Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia memberi gambaran umum mengenai isu, trend dan masalah dalam pembangunan sumber manusia di negara ini.

Menerusi buku ini, himpunan tulisan dibahagikan kepada empat bahagian menyentuh bahagian pendahuluan, struktur dan dasar sumber manusia, isu-isu pasaran buruh dan perancangan tenaga manusia dengan 11 topik utama dibincangkan dalam buku setebal 195 muka surat.

Dalam bahagian pertama, hanya satu tajuk dibincang, iaitu Isu-Isu Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia: Sepintas Lalu oleh Supian Ali.

Dalam bahagian kedua, lima tajuk dikemukakan menyentuh tajuk Penduduk Malaysia: Struktur dan Perubahan Komposisi; Dasar Sosial: Isu, Trend dan Perkembangan Sektor Kesihatan; Migrasi: Jenis, Proses dan Implikasi Dasar oleh Muhammad Anuar Adnan serta Pendidikan di Malaysia oleh Ishak Yussof dan Rahmah Ismail.

Dalam bahagian ketiga menyentuh Isu-Isu Pasaran Buruh, tiga tajuk dikemukakan, iaitu Isu Dalam Pasaran Buruh (Zulkifly Osman dan Rahmah Ismail); Tenaga Buruh Wanita (Nor Aini Idris) serta Uphah, Produktiviti dan Kesatuan Sekerja (Zulkifly Osman).

Dalam bahagian terakhir pula, tiga tajuk diselitkan menyentuh Perancangan Tenaga Manusia dengan tajuk Perbandingan Pengalaman Perancangan Tenaga Manusia Antarabangsa (Supian Ali, Ishak Yussof dan Razak Dan); Perancangan Tenaga Manusia Dalam Dekad 1990-an (Rahmah Ismail) serta Pendidikan dan Latihan Ke Arah Pengindustrian dan Daya Saing Antarabangsa (Supian Ali).

Perancangan tenaga manusia bukan semata-mata untuk meramalkan output sesuatu persekolahan, tetapi juga untuk mengelak pembaziran sumber sama ada dalam pekerjaan, mahupun kewangan persendirian dan awam.

Malangnya, usaha perancangan itu di mana-mana juga, tidak mencapai sasaran secara mutlak dan perlu dijadikan pengajaran kepada masyarakat dalam era penuh cabaran.

Buku karya terbaru ini adalah terbitan awal dalam siri bengkel anjuran Fakulti Ekonomi UKM dengan sumbangan ahli fakulti dalam bidang sumber manusia.

Buku ini sesuai dibaca ahli akademik institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, pegawai di agensi awam dan swasta, pelajar serta individu yang berminat.

(END)